

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JANUARI 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

CAPAIAN :<https://www.sinarharian.com.my/article/182788/BERITA/Nasional/2-844-mangsa-banjir-di-Selangor-lega-terima-BWI>

2, 844 mangsa banjir di Selangor lega terima BWI



SHAH ALAM - Penerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) Selangor yang terkesan akibat banjir pada Disember lalu lega menerima sumbangan tersebut bagi meringankan beban mereka.

Seramai 2,844 ketua isi rumah menerima bantuan wang tunai sebanyak RM2,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan negeri di tiga kawasan di Selangor iaitu Taman Sri Muda, Seksyen 25, Kampung Bukit Lanchong, Seksyen 28, di Shah Alam dan Kampung Bukit Changgang, Dengkil, pada Selasa.

Tinjauan Sinar Harian di Dewan Azalea, Taman Sri Muda, Seksyen 25 mendapati orang ramai mula beratur untuk mendapatkan wang bantuan bermula jam 7.30 pagi.

Pegawai Daerah Klang, Mohd Faizal Abdul Raji berkata, sebanyak 90.6 peratus daripada 1,500 ketua isi rumah yang menerima BWI hadir ke dewan tersebut setakat jam 12 tengah hari.

Beliau yang juga Penggerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Klang berkata, seramai 62 petugas dari kakitangan Unit Penyelarasan Pelaksana (ICU) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang bertugas untuk agihkan bantuan.

"Pihak kami juga bergerak ke tempat-tempat lain untuk agihkan bantuan. Penerima akan mendapat mesej menerusi sistem pesanan ringkas (SMS).

"Namun jika mereka tidak hadir, pihak kami akan hubungi mereka melalui panggilan telefon untuk mereka ambil bantuan tersebut di PDT Klang," katanya ditemui media.